



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

AHAD, 2 JULAI 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

*World Communications*



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M



UKK KPWK M

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>KES WANITA DIKOMPANUN KERANA BERPAKAIAN TIDAK SOPAN SUDAH SELESAI - NGA KOR MING</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/983159/kes-wanita-dikompauun-kerana-berpakaiun-tidak-sopan-sudah-selesai-nga-kor">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/983159/kes-wanita-dikompauun-kerana-berpakaiun-tidak-sopan-sudah-selesai-nga-kor</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1121169/isu-kompauun-wanita-berpakaiun-tidak-sopan-selesai-kor-ming">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1121169/isu-kompauun-wanita-berpakaiun-tidak-sopan-selesai-kor-ming</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/266039/edisi/perak/isu-kompauun-pakaiun-tidak-sopan-selesai-kor-ming">https://www.sinarharian.com.my/article/266039/edisi/perak/isu-kompauun-pakaiun-tidak-sopan-selesai-kor-ming</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/450306">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/450306</a>	THEMALAYSIANINSIGHT.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-kompauun-peniaga-wanita-berseluar-pendek-selesai-nga-426236">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-kompauun-peniaga-wanita-berseluar-pendek-selesai-nga-426236</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=LQjV7U_UyNw">https://www.youtube.com/watch?v=LQjV7U_UyNw</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/01/isu-wanita-bukan-islam-dikompauun-pakai-seluar-pendek-selesai-kata-nga/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/01/isu-wanita-bukan-islam-dikompauun-pakai-seluar-pendek-selesai-kata-nga/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>WANITA LEMAS JATUH BOT, SUAMI DAN ANAK SAUDARA HILANG</b>	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/01/wanita-lemas-jatuh-bot-suami-dan-anak-saudara-hilang/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/01/wanita-lemas-jatuh-bot-suami-dan-anak-saudara-hilang/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/wanita-mati-lemas-suami-dan-anak-saudara-masih-hilang-x8m6jys">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/wanita-mati-lemas-suami-dan-anak-saudara-masih-hilang-x8m6jys</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/insiden-jatuh-bot-saya-harap-anak-ditemui-hari-ini-bapa-426243">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/insiden-jatuh-bot-saya-harap-anak-ditemui-hari-ini-bapa-426243</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/983110/bapa-laung-azan-harap-anak-adik-ipar-segera-dijumpai">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/983110/bapa-laung-azan-harap-anak-adik-ipar-segera-dijumpai</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=lsMPxL4F1i0">https://www.youtube.com/watch?v=lsMPxL4F1i0</a>	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>DERITA SAKIT SARAF, BERAT HAFIZUDDIN HANYA 10 KG</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/983114/derita-sakit-saraf-berat-hafizuddin-hanya-10-kg">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/983114/derita-sakit-saraf-berat-hafizuddin-hanya-10-kg</a>	HMETRO.OM.MY
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2023/07/926073/21-year-old-youth-suffering-nerve-disease-weighs-only-10kg">https://www.nst.com.my/news/nation/2023/07/926073/21-year-old-youth-suffering-nerve-disease-weighs-only-10kg</a>	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>TIGA EKOR LEMBU DISUMBANGKAN KEPADA PENDUDUK KAMPUNG BAKO</b>	
	<a href="https://suarasarawak.my/tiga-ekor-lembu-disumbangkan-kepada-penduduk-kampung-bako/">https://suarasarawak.my/tiga-ekor-lembu-disumbangkan-kepada-penduduk-kampung-bako/</a>	SUARASARAWAK.MY
	<a href="https://sarawakvoice.com/lembu-seberat-lebih-400-kg-dikorban/">https://sarawakvoice.com/lembu-seberat-lebih-400-kg-dikorban/</a>	SARAWAKVOICE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>SEXUAL HARASSMENT: 'TOGETHER, WE MUST BREAK THE SILENCE'</b>	
	<a href="https://www.theborneopost.com/2023/07/02/sexual-harassment-together-we-must-break-the-silence/">https://www.theborneopost.com/2023/07/02/sexual-harassment-together-we-must-break-the-silence/</a>	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>ENAM TAHUN TINGGAL SERUMAH BIARPUN BERBEZA AGAMA</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1121199/enam-tahun-tinggal-serumah-biarpun-berbeza-agama">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1121199/enam-tahun-tinggal-serumah-biarpun-berbeza-agama</a>	BHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

2/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
7	TIADA ALASAN ANAK 'LEPAS TANGAN' JAGA IBU BAPA UZUR	
	<a href="https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2023/07/1121016/tiada-alasan-anak-lepas-tangan-jaga-ibu-bapa-uzur">https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2023/07/1121016/tiada-alasan-anak-lepas-tangan-jaga-ibu-bapa-uzur</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	SURAT TERBUKA KEPADA KERAJAAN: PELIHARA SEKSYEN 1(E) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/surat-terbuka-kepada-kerajaan-peliharaseksyen-1e-perlembagaan-persekutuan-426227">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/surat-terbuka-kepada-kerajaan-peliharaseksyen-1e-perlembagaan-persekutuan-426227</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	SEGERAKAN UNDANG-UNDANG SELAMATKAN GENERASI PENAGIH NIKOTIN	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/segerakan-undangundang-selamatkan-generasi-penagih-nikotin-426285">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/segerakan-undangundang-selamatkan-generasi-penagih-nikotin-426285</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	WUJUDKAN EKOSISTEM POSITIF UNTUK BINA KEPERIBADIAN KANAK-KANAK – NANCY	
	<a href="https://tvstv.my/2023/07/01/wujudkan-ekosistem-positif-untuk-bina-keperibadian-kanak-kanak-nancy/">https://tvstv.my/2023/07/01/wujudkan-ekosistem-positif-untuk-bina-keperibadian-kanak-kanak-nancy/</a>	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	SUMBANGAN LEBIH RM 100,000 JAYAKAN IBADAH KORBAN SEKITAR SANTUBONG – NANCY	
	<a href="https://tvstv.my/2023/07/01/sumbangan-lebih-rm-100000-jayakan-ibadah-korban-sekitar-santubong-nancy/">https://tvstv.my/2023/07/01/sumbangan-lebih-rm-100000-jayakan-ibadah-korban-sekitar-santubong-nancy/</a>	TVSTV.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>INSIGHTFUL EVENT</b>	
	<a href="https://www.thesundaily.my/images/insightful-event-NE11159499">https://www.thesundaily.my/images/insightful-event-NE11159499</a>	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	<b>DATIN NORLI IMPI TUBUH BANK WANITA</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2023/07/datin-norli-impi-tubuh-bank-wanita/">https://www.utusan.com.my/terkini/2023/07/datin-norli-impi-tubuh-bank-wanita/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	<b>KANAK-KANAK OBES, MUDAH DAPAT DIABETES, STROK</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/07/1120998/kanak-kanak-obes-mudah-dapat-diabetes-strok">https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/07/1120998/kanak-kanak-obes-mudah-dapat-diabetes-strok</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	<b>JUALAN PATUNG SEKS BERBENTUK KANAK-KANAK JIJIK, MELAMPAU!</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/983116/jualan-patung-seks-berbentuk-kanak-kanak-jijik-melampau">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/983116/jualan-patung-seks-berbentuk-kanak-kanak-jijik-melampau</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	<b>KERAJAAN DISARAN TINGKATKAN USAHA CEGAH PENYALAHGUNAAN DADAH DENGAN PENDEKATAN BAHARU</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-disaran-tingkatkan-usaha-cegah-penyalahgunaan-dadah-dengan-pendekatan-baharu-426294">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-disaran-tingkatkan-usaha-cegah-penyalahgunaan-dadah-dengan-pendekatan-baharu-426294</a>	ASTROAWANI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK




[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
17	ISU MURID TAHUN SATU DIKURUNG SELESAI DENGAN BAIK – FADHLINA	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/07/01/isu-murid-tahun-satu-dikurung-selesai-dengan-baik-fadhлина/">https://malaysiagazette.com/2023/07/01/isu-murid-tahun-satu-dikurung-selesai-dengan-baik-fadhлина/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
18	PERKIM KOMITED LUASKAN DAKWAH	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/983180/perkim-komited-luaskan-dakwah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/983180/perkim-komited-luaskan-dakwah</a>	HMETRO.COM.MY



TAJUK : BAPA BUDAK TERJATUH SUNGAI MASIH HARAP ANAK DITEMUI SELAMAT

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 02 JUL 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Bapa budak terjatuh sungai masih harap anak ditemui selamat

Pasukan penyelamat teruskan usaha kesan mangsa dikhuatiri lemas

Oleh Siti Rohana Idris  
bhnews@bh.com.my

**Tumpat:** "Sebaik mendapat panggilan anak terjatuh ke dalam sungai, saya sudah bersedia dengan segala kemungkinan, termasuk bakal kehilangannya," kata bapa kepada kanak-kanak lelaki, Amrullah Fitri Afendi.

Dalam kejadian kira-kira jam 6.45 petang kelmarin, Nor Awadah Sulong, 30, ditemukan lemas manakala suaminya, Wan Muhamad Najmi Wan Taib, 30, serta Amrullah Fitri, 10, masih hilang.

Afendi Ismail, 43, berkata dia menerima panggilan telefon jam 7 malam mengenai Amrullah Fitri yang terjatuh ke dalam sungai ketika bersiar menaiki bot bersama bapa saudaranya di Sungai Kelantan di sini.

"Saya kemudian bergegas ke lokasi di Kampung Pasir Pekan Hulu dan ternampak mayat Nor Awadah di tebing sungai, manakala anak saya dan adik ipar

(Wan Muhamad Najmi) masih belum ditemukan.

"Dalam hati saya berasakan sudah tiada harapan untuk ditemui dengan selamat memandangkan anak saya tidak pandai berenang, malah semua mereka juga tidak memakai jaket keselamatan.

"Saya menunggu di lokasi sehingga jam 2 pagi tadi (semalam) dan sempat melaungkan azan di sekitar kawasan itu dengan harapan anak dan adik ipar segera dijumpai," katanya ketika ditemui.

#### Enjin bot mati tiba-tiba

Sebelum ini, Ketua Polis Daerah Tumpat, Asisten Komisioner Amran Dolah, dilaporkan berkata,

hasil maklumat awal mendapati ketiga-tiga mangsa serta seorang bayi perempuan berusia 14 bulan yang juga anak pasangan suami isteri itu bersiar di sungai berkenaan dengan menaiki bot.

Katanya, enjin bot milik Wan Muhamad Najmi dikatakan mati secara mengejut menyebabkan tiga mangsa terbabit terpelanting, sebelum terjatuh ke dalam sungai.

"Ahli keluarga mangsa yang berada di tebing sungai segera ke lokasi dengan menaiki bot dan menyelamatkan mangsa wanita serta bayi perempuan terbabit sebelum dibawa ke tebing.

"Anak perempuan pasangan itu, Wan Nur Ameena Wan Mu-



Afendi menunjukkan gambar Amrullah Fitri yang dikhuatiri lemas di Kampung Pasir Pekan Hulu, semalam. (Foto NIK Abdullah NIK Omar/BH)

hammad Najmi berusia 14 bulan selamat," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Afendi yang menetap di Kampung Patek, Kadok, Kota Bharu, berkata anak tunggal lelakinya yang dipanggil 'Abang Ngah' itu sudah kerap menaiki bot milik Naimi untuk bersiar-siar di Sungai Kelantan.

Katanya, sebelum kejadian, Amrullah Fitri bersolat Jumaat bersamanya di sebuah masjid di

Kampung Kadok dan sempat membaca surah Yasin seperti kebiasaan.

"Cuma semalam (kelmarin) anak saya membaca surah Yasin dengan lancar, tidak seperti biasa yang kerap juga bertanyakan saya jika tidak pasti mengenai bacaan.

"Ketika ingin menunaikan solat Jumaat juga, Abang Ngah agak teruja berada di barisan hadapan selepas menyedari ada beberapa ruang kosong sebelum memenuhinya.


"Abang Ngah anak yang patuh dan sering membantu saya menjaga lembu peliharaan kerana sudah boleh diharap. Saya harap mereka berdua ditemukan segera walau hidup atau sudah tiada," katanya.

Jenazah Nor Awadah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Kutan Sungai di sini.

Operasi mencari dan menyelamat diteruskan bermula jam 8 pagi semalam dengan pencarian sekitar 1.2 kilometer radius, termasuk selaman daripada semblan anggota Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA).



Pasukan penyelamat menjalankan operasi SAR di Kampung Pasir Pekan Hulu di Sungai Kelantan, semalam.



TAJUK : BAPA, ANAK, CUCU SANDING SERENTAK

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 02 JUL 2023

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Bapa, anak, cucu sanding serentak

Tiga generasi realisasi hari bersejarah pada majlis dihadiri 3,000 tetamu

Oleh Togi Marzuki  
bhnews@com.my

**Pontian:** Tiga generasi merealisasikan hari bersejarah mereka apabila bersanding secara serentak dalam majlis perkahwinan yang berlangsung di Kampung Melayu Raya, Pekan Nanas, semalam.

Lebih menarik, pasangan itu terdiri bapa, anak dan cucu.

Ahmad Omar, 60, (bapa) bersanding bersama pasangan, Juriah Misubani, 61; Rozita Ahmad, 45 (anak) pula bersanding bersama Mohd Yazid Ali, 44; manakala Nurhazimah Mohd Hussin, 24, (cucu) dengan pasangannya, Mohamad Zulhaire Zakaria, 22.

Majlis bersejarah itu turut dihadiri kira-kira 3,000 tetamu.

Majlis pernikahan Ahmad berlangsung pada 1 Jun, Rozita pula pada 3 Jun, manakala Nurhazimah pada 30 Jun.

Pasangan Ahmad Omar dan



Dari kiri, Juriah, Ahmad, Mohd Zulhaire, Nurhazimah, Rozita dan Mohd Yazid pada majlis persandingan di Kampung Melayu Raya, Pekan Nanas, Pontian. (Foto Togi Marzuki/BH)

Juriah mengenakan pakaian serba kelabu, Nurhazimah bersama Mohamad Zulhaire pula serba merah, manakala Rozita serta Mohd Yazid berpakaian ungu.

Ketiga-tiganya bersanding di rumah Mohd Hussin Jambari selaku tuan rumah yang juga bapa kepada Nurhazimah.

Ahmad yang juga bapa kepada enam anak dan mempunyai 15 cucu serta tiga cicit berkata, majlis pernikahannya berlangsung

di Pejabat Kadi Pontian dengan hantaran RM5,000.

#### Muafakat semua pihak

Katanya, kelangsungan majlis berkenaan, termasuk bersanding secara serentak adalah hasil permuafakatan semua pihak, termasuk ahli keluarga pengantin.

"Kami berterima kasih kepada semua pihak, termasuk penduduk kampung serta saudara-mara, yang membantu mengurus-

kan majlis ini," katanya yang juga petani.

Bagi Rozita yang juga anak bongsu daripada enam beradik, dia bersyukur dengan kelancaran majlis persandingan itu.


"Siapa sangka, tiga generasi bersanding di pelamin hari yang sama. Ia cukup menunjukkan eratnya silaturahim dalam kalangan keluarga dan masyarakat.

"Saya berdoa supaya perkahwinan kami sentiasa dirahmati

Allah SWT. Terima kasih juga kepada semua yang membantu," katanya yang bekerja di sebuah syarikat swasta di daerah ini.

Sementara itu, tetamu, Robaniah Jamari, 60, berkata, majlis berkenaan bukan sekadar menjadi kenangan buat mempelai, malah tetamu.

"Majlis ini cukup unik serta melambangkan keharmonian dalam keluarga juga masyarakat," katanya.



TAJUK : KOMPAUN WANITA BERSELUAR PENDEK DIBATAL

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 02 JUL 2023

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Kompaun wanita berseluar pendek dibatal

**Ipoh:** Kes seorang peniaga wanita yang dikompaun Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB) akibat berseluar pendek di tempat awam baru-baru ini, sudah selesai, kata Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming.

Kor Ming dalam pada itu menegaskan, tidak timbul isu pihaknya dan Kerajaan Persekutuan campur tangan terhadap undang-undang kerajaan negeri.

Ia rentetan kenyataannya sebelum ini yang meminta MPKB menarik kembali kompaun itu atas sebab bertentangan dengan semangat Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak dan kebebasan rakyat berbilang kaum.

Beliau malah berkata, MPKB bersetuju membatalkan kompaun terhadap wanita berumur 35 tahun itu selepas sesi perbincangan diadakan bersama Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) Datuk Mohd Fadzi Mohd Kenall.

"Isu ini sebenarnya sudah selesai. Ketua Pengarah JKT susah berbincang dengan MPKB dan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sudah pun setuju untuk membatalkan kompaun terbabit kerana ia tidak munasabah.

"Harus saya tegaskan, ini adalah masyarakat berbilang kaum dan bangsa, jadi tiada isu untuk kata Kerajaan (Persekutuan) campur tangan.

"Lagi pula antara slogan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah perpaduan dalam kepelbagaian," katanya kepada media ketika lawatan kerja di Fair Park di sini, semalam.


Hadir sama Datuk Bandar Ipoh Datuk Rumaizi Baharin.

Pada lawatan itu, Kor Ming turut mengumumkan penyaluran peruntukan lebih RM22 juta untuk kerja pembinaan prasarana, termasuk pembinaan parkir bertingkat di kawasan Pekan Lama Ipoh.

Peruntukan itu juga untuk membaiki fasiliti dan prasarana sekitar bandar raya ini, khususnya membabitkan kemudahan lif di beberapa pangsupuri yang disifatkan uzur.

Media melaporkan, kompaun ke atas wanita itu yang dikeluarkan mengikut Seksyen 34(2)(b) Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPKB-BRI) 2019, sudah dibayar pada Selasa lalu oleh bapa angkat wanita itu.

Kadar bayaran dikenakan ialah RM50 selepas melalui rayuan dan rundingan berbanding jumlah asalnya iaitu RM500.



TAJUK : OPEERASI CARI PEMBURU, ANAK SAUDARA HILANG DITERUSKAN

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 02 JUL 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



Operasi mencari dan menyelamat dua lelaki yang dilaporkan hilang ketika berburu di Tawau diteruskan, semalam. (Foto ihsan bomba)

## Operasi cari pemburu, anak saudara hilang diteruskan

**Tawau:** Operasi mencari dan menyelamat (SAR) lelaki bersama anak saudaranya yang hilang selepas keluar memburu sejak 24 Jun lalu diteruskan semalam.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tawau, Jemishin Ujim, berkata operasi yang memasuki hari ketiga itu diteruskan kira-kira jam 6.45 pagi selepas ditangguhkan lewat petang kelmarin.

Beliau berkata, operasi pencarian yang turut disertai enam anggota polis itu dimulakan dengan jarak sejauh lima kilometer dari tempat masuk mangsa dipercayai memulakan ak-

tiviti memburu.

“Berdasarkan maklumat yang kita peroleh setakat ini, kedua-dua mangsa dikenali sebagai Iwan Bin Musakir, 33, dan anak saudaranya, Al Fajriada, 11 tahun.

“Selain itu, anggota bomba turut berdepan cabaran sepanjang pencarian termasuk tiada talian telefon dan liputan Government Intergerated Radio Network (GIRN) di lokasi,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.


Media sebelum ini melaporkan, kedua-dua mangsa dikhua-tiri hilang selepas keluar mem-

buru di kawasan hutan berhampiran Ladang OP 6 Usahawan Borneo Brumas, dekat sini, sejak Sabtu minggu lalu.

### Keluar berkumpulan

Mereka dikatakan keluar memburu secara berkumpulan mem-babitkan lapan orang sebelum berpecah kepada beberapa kumpulan kecil ketika di dalam hutan.

Operasi SAR yang dilancarkan sejak Khamis lalu, bagaimanapun gagal menemukan sebarang petunjuk dan kedua-duanya masih masih belum berjaya ditemu-



TAJUK : 'WALAUPUN LESU SEMANGAT SAYA TAK PERNAH LUNTUR'

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 02 JUL 2023

M/SURAT : 17

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## 'Walaupun lesu semangat saya tak pernah luntur'

**Johor Bahru:** "Saya hanya manusia biasa, ada masa saya juga lesu dan tertekan kerana memberi penjagaan sepenuh masa kepada suami, ibu mentua serta kakak ipar yang sakit, termasuk dua terlantar," kata Safiah Damara.

Safiah, 55, ditemui di kediamannya di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Melana, Jalan Sutera, Taman Perling di sini.

Tiga insan istimewa itu ialah suaminya, Borhan Abd Gapar, 50, kakak iparnya iaitu Noraziah, 53, dan ibu mentuanya, Zahrah Marzuki, 80.

Safiah berkata, dia bagaimanapun tidak pernah berputus asa memikul tanggungjawab memberi penjagaan kepada tiga individu istimewa itu.

"Saya lakukannya kerana Allah SWT," katanya.

Kata Safiah, dia menjaga



SAFIAH memberi penjagaan kepada suami yang terlantar akibat terjatuh.

Noraziah sejak hampir 10 tahun lalu selepas wanita itu yang berstatus balu dan tidak memiliki anak mengalami masalah saraf dan disahkan tidak dapat berjalan.

"Kakak ipar yang turut mengalami diabetes hanya mampu mengesot dan doktor menyatakan harapannya

untuk sembuh macam biasa amat tipis.

"Tanggungjawab saya bertambah apabila ibu mentua diserang angin ahmar setahun lalu menyebabkannya terlantar. Dia hanya meminum susu menerusi tiub dipasang di hidung," katanya.

"Suami yang juga pesakit

diabetes pula terjatuh menyebabkan tulang berhampiran pahanya patah.

"Suami turut menjalani pembedahan enam bulan lalu di Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru akibat jangkitan kuman dan masih tidak dapat bergerak," katanya.


Menurut Safiah, ketiga-tiganya kini menggunakan lampin pakai buang dan meminum susu yang disyorkan doktor.

Safiah berkata, dia bukan saja mengurus makan minum ketiga-tiga insan kesayangannya itu malah rutin hariannya termasuk memberi ubat, membersihkan serta memastikan mereka dalam keadaan selesa.

"Saya umpama jururawat namun dan saya tidak pernah luntur semangat bagi memberi sepenuh jagaan kepada mereka.

"Pada masa sama, fizikal dan mental saya juga ada kalanya penat memikirkan amanah selain ujian Tuhan ini," katanya.

Orang ramai yang ingin meringankan beban Safiah boleh menyalurkan sumbangan di akaun Bank Islam di 01041020502459 atas nama Safiah Damara.



TAJUK : BAYI TERSELAMAT BERPEGANG PADA STERENG

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 02 JUL 2023

M/SURAT : 01&05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



## TRAGEDI ENJIN BOT MATI MENGEJUT: SEORANG MAUT, DUA HILANG LEMAS TERPELANTING DARI BOT

Oleh Siti Rohana Idris  
am@hmetro.com.my

### Tumpat

Sebaik mendapat panggilan memberitahu anak terjatuh dalam sungai, saya sudah bersedia dengan segala kemungkinan termasuk akan kehilangannya," kata bapa kepada kanak-kanak lelaki, Amrullah Fitri Afendi.

Dalam kejadian kira-kira jam 6.45 petang kelmarin, Nor Awadah Sulong, 30, di temui lemas manakala suaminya, Wan Muhamad Najmi Wan Taib, 30, serta anak saudaranya, Amrullah Fitri Afendi, 10, masih hilang.

Afendi Ismail, 43, berkata, dia menerima panggilan jam

7 malam kelmarin mengenai anaknya yang berusia 10 tahun itu terjatuh ke dalam sungai ketika bersiar-siar menaiki bot bersama bapa saudaranya di Sungai Kelantan di sini.

"Saya bergegas ke lokasi di Kampung Pasir Pekan Hulu dan ternampak mayat Nor Awadah di tebing sungai manakala anak saya dan adik ipar (Wan Muhamad Najmi) masih belum ditemukan."

Dalam hati saya merasakan sudah tiada harapan untuk ditemankan dengan selamat memandangkan dia tidak pandai berenang malah kesemua mereka juga tidak memakai jaket keselamatan.

"Saya menunggu di lokasi sehingga jam 2 pagi dan

sempat melaukan azan di sekitar kawasan itu dengan harapan anak dan adik ipar segera dijumpai," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Afendi yang menetap di Kampung Pakok, Kadok, Kota Bharu berkata, anak tunggal lelakinya yang dipanggil Abang Ngah itu sudah kerap kali menaiki bot milik Najmi untuk bersiar-siar di Sungai Kelantan.

Dia berkata, sebelum kejadian, Amrullah Fitri bersolat Jumaat bersama-sama di sebuah masjid di Kampung Kadok, Kota Bharu dan sempat membaca surah Yasin seperti kebiasaan.

"Cuma kelmarin anak saya membaca surah Yasin dengan lancar, tidak seperti

### 'Dengar bunyi bising di tebing sungai'

Tumpat: Enjin bot yang mati secara tiba-tiba dipercayai punca sepasang suami isteri dan seorang kanak-kanak lelaki terjatuh ke dalam Sungai Kelantan di Kampung Pasir Pekan Hulu di sini, kelmarin.

Kejadian jam 6.45 petang, Nor Awadah Sulong, 30, ditemukan lemas manakala suaminya, Wan Muhamad Najmi Wan Taib, 30, serta anak saudaranya, Amrullah Fitri Afendi, 10, masih hilang.

Ketua Polis Tumpat, Asisten Komisier Anwar Dohah berkata, hasil maklumat awal mendapati ketiga-tiga mangsa serta seorang bayi perempuan berusia 14 bulan yang juga anak pasangan suami isteri terbatih bersiar-siar di sungai itu dengan menaiki bot.

"Enjin bot milik Wan Muhamad Najmi itu dikatakan mati mengejut menyebabkan tiga mangsa berkesempatan terpelanting sebelum terjatuh ke dalam sungai."

"Ahli keluarga mangsa yang berada di tebing sungai segera ke lokasi menaiki bot dan menyelamatkan mangsa wanita serta bayi perempuan terbatih sebelum dibawa ke tebing.

"Bagaimanapun mangsa wanita itu sudah meninggal dunia manakala bayinya selamat

dan mangsa dibawa ke Hospital Tumpat untuk proses bedah siasat," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Anwar berkata, operasi mencari dan menyelamat membabitkan pemantauan di permukaan sungai sahaja dan selaman. Turut hadir di lokasi adalah Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Nakhod yang bertanya khabar mengenai kejadian serta menyantuni keluarga mangsa.

Sementara itu, seorang saksi, Riduan Adnan, 30, berkata, dia terdengar bunyi bising di tebing sungai dan segera ke sana untuk melihat apa yang berlaku.

Dia berkata, sebaik tiba di tebing sungai, dia ternampak seorang lelaki yang juga ahli keluarga mangsa menaiki botnya menghampiri bot yang dinaiki semua mangsa yang berada di tengah sungai.

"Lelaki itu mengangkat mangsa wanita dan dibawa ke tebing sungai sebelum berpatah semula ke bot yang semakin dibawa arus untuk mengambil bayi perempuan yang sedang menangis."

"Ada juga penduduk kampung cuba membuat bantuan pernafasan terhadap mangsa wanita itu namun dia sudah pun meninggal dunia," katanya.



PASUKAN penyelamat meneruskan usaha mencari dua lagi mangsa yang masih hilang.

AFENDI menunjukkan gambar anaknya, Amrullah Fitri yang dikhuatiri lemas.

biasa yang kerap juga bertanyakan saya jika tidak pasti mengenai bacaan.

"Ketika ingin menunaikan solat Jumaat juga, Abang Ngah agak teruja berada di saf hadapan selepas menyedari ada beberapa ruang kosong sebelum memenuhinya."

Abang Ngah anak yang patuh dan sering membantu saya menjaga lembu peliharaan kerana sudah boleh diharapkan. Saya harap mereka berdua ditemukan segera walau hidup atau sudah tiada," katanya.

Kelmarin, sepasang suami isteri dan seorang kanak-kanak lelaki terjatuh ke dalam sungai selepas enjin bot yang dinaiki mati dengan tiba-tiba menyebabkan mereka terpelanting.


Bagaimanapun bayi per-

empuan yang juga anak kepada pasangan suami isteri terbatih, Wan Nur Aameena Wan Muhamad Najmi, 14 bulan selamat kerana sempat berpegang ke stereng bot.

Jenazah Nor Awadah dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Kuantan Sungai di sini selepas Zuhur.

ABHI keluarga mangsa menaragis ketika ditemui di lokasi mangsa yang terjatuh ke dalam sungai di Kampung Pasir Pekan Hulu, Tumpat. - Gambar NOST/STI ROHANA IDRIS





TAJUK : JIJK PATUNG SEKS DIJUAL DI E-DAGANG

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 02 JUL 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

**Kuala Lumpur:** Jijik dan melampau. Itu reaksi orang ramai susulan pembongkaran aktiviti penjualan patung seks berbentuk kanak-kanak di platform e-dagang.

Lebih mengejutkan, patung dijadikan sebagai objek melampiaskan nafsu itu turut berpakaian persis pelajar sekolah di negara ini.

Malah, berdasarkan semakan mendapati penjualan produk seks berkenaan berlaku di Malaysia dan perniagaan berpusat di Lembah Klang.

Mendedahkan aktiviti itu di laman sosial Twitter, pemilik akaun menggunakan nama Masitah berkata, perkara itu pada mulanya dikongsi seorang rakan.

"Rakan mendapati produk itu dijual oleh laman belah dalam talian terkemuka. Apa yang mengejutkan apabila patung seks itu me-



PATUNG menyerupai kanak-kanak yang dijual di e-dagang.

nyerupai remaja bawah umur atau kanak-kanak.

"Perkara ini amat keji dan menjijikkan," ciapnya.

Mengulas lanjut, Masitah

berkata, penjualan patung kanak-kanak terutama yang memakai baju kurung seragam sekolah tidak wajar.

Berikutan itu, Masitah

## Jijik patung seks dijual di e-dagang

### Undang ancaman pedofilia lebih teruk

**Kuala Lumpur:** Aktiviti penjualan patung seks berbentuk kanak-kanak secara meluas termasuk di platform e-dagang boleh mengundang ancaman pedofilia yang lebih teruk.

Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, perkara itu boleh berlaku apabila wujud pendedahan kepada produk seks sedemikian selain salah guna Internet tidak terkawal.

Beliau yang juga aktivis masyarakat mendakwa terkejut dengan penjualan patung seks direka berbentuk kanak-kanak.

"Saya tidak menolak kemungkinan ia dilakukan oleh pihak yang mahu menarik lebih ramai pembeli terutama dalam

kalangan individu meminati seks keterlaluan.

"Tapi apabila membabitkan (patung seks) kanak-kanak, ia perbuatan jijik dan perlu dikeji. Kita tak boleh membenarkan ia terus berlaku," katanya kepada Metro Ahad.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai aktiviti penjualan patung seks kanak-kanak di sebuah platform e-dagang yang tular di media sosial.

Mengulas lanjut, Lam Thye berkata, pedofilia yang merujuk kecenderungan seksual kepada kanak-kanak adalah ancaman yang boleh memberi kesan besar kepada keselamatan dan kesejahteraan golongan itu.

mendakwa sudah membuat laporan kepada pemilik platform e-dagang berkenaan

supaya menyekat penjualan produk itu.

Masitah turut memintau

warganet melakukan perkara sama supaya tindakan lanjut dapat dilakukan.



TAJUK : KES SUDAH SELESAI

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 02 JUL 2023

M/SURAT : 18

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Kes sudah selesai

**Ipoh:** Kes seorang peniaga wanita yang dikompaun Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB) akibat hanya berseluar pendek hingga pangkal paha di tempat awam baru-baru ini, sudah selesai, kata Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming (*gambar*).

Kor Ming dalam pada itu menegaskan, tidak timbul isu pihaknya mewakili Kerajaan Persekutuan campur tangan terhadap undang-undang kerajaan negeri.

Ia rentetan kenyataannya sebelum ini yang meminta MPKB menarik kembali kompaun itu atas sebab bertentangan dengan semangat Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak dan kebebasan rakyat berbilang kaum.

Beliau malah berkata, MPKB bersetuju untuk membatalkan kompaun terhadap wanita berumur 35 tahun itu selepas sesi perbincangan diadakan bersama Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) Datuk Mohd Fadzli Mohd Kenali.

"Isu ini sebenarnya sudah selesai. Ketua Pengarah JKT susah berbilang dengan MPKB dan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sudah pun setujui untuk

batalkan kompaun terbabit kerana ia tidak munasabah.

"Harus saya tegaskan, ini adalah masyarakat berbilang kaum dan bangsa, jadi tiada isu untuk kata Kerajaan (Persekutuan) campur tangan. Lagipun antara slogan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), perpaduan dalam kepelbagaian," katanya ketika lawatan kerja di Fair Park di sini, semalam.

Hadir sama Datuk Bandar Ipoh Datuk Rumaizi Baharin.

Pada lawatan itu, Kor Ming turut mengumumkan penyaluran peruntukan lebih RM22 juta untuk kerja pembinaan prasarana, termasuk pembinaan parkir bertingkat di kawasan Pekan Lama Ipoh.

Peruntukan itu juga untuk membaiki fasiliti dan prasarana sekitar bandar raya ini, khususnya membabitkan kemudahan lif di beberapa pangsapuri yang disifatkan uzur.

Terdahulu, media melaporkan, kompaun ke atas wanita itu yang dikeluarkan selaras dengan Seksyen 34(2)(b) Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPKB-BRI) 2019, sudah dibayar pada Selasa lalu oleh bapa angkat wanita itu.

Kadar bayaran dikenakan RM50 selepas melalui rayuan dan rundingan berbanding jumlah asal RM500.





TAJUK : SANDING TIGA GENERASI

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 02 JUL 2023

M/SURAT : 18

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



DARI kiri, Juriah dengan pasangannya, Ahmad; Mohamad Zulhaire bersama Nurhazimah dan Rozita bersama Mohd Yazid pada majlis persandingan di Rizab 2, Kampung Melayu Raya, Pekan Nanas, Pontian. - Gambar NSTP/TOGI MARZUKI

Oleh Togi Marzuki  
am@hmetro.com.my

#### Pontian

**S**emalam, Ahmad Omar, 80, dan anaknya, Rozita, 45, serta cucu, Nurhazimah Mohd Hussin, 24, menyambut hari gembira apabila diraikan sebagai raja sehari dengan bersanding di pelamin sama.

Tiga generasi diraikan pada majlis persandingan di Jalan Rezab 2, Kampung Melayu Raya, Pekan Nanas di sini, majlis itu turut dihadiri kira-kira 3,000 tetamu.

Ahmad bersanding bersama pasangan, Juriah Misubani, 61; Rozita pula bersama Mohd Yazid Ali, 44; manakala Nurhazimah dengan Mohamad Zulhaire Zakaria, 22.

Majlis pernikahan Ahmad berlangsung pada 1 Jun, Rozita pula pada 3 Jun manakala Nurhazimah pada 30 Jun.

# SANDING TIGA GENERASI

*Majlis dihadiri 3,000 tetamu cukup unik*

Pasangan mempelai Ahmad Omar dan Juriah mengenakan pakaian serba kelabu, Nurhazimah bersama Mohamad Zulhaire pula serba merah manakala Rozita serta Mohd Yazid berpakaian ungu.

Ketiga-tiganya bersanding di rumah Mohd Hussin Jambari yang juga bapa kepada Nurhazimah.

Ahmad yang juga bapa kepada enam anak dan mempunyai 15 cucu serta tiga cicit berkata, majlis pernikahannya berlangsung di Pejabat Kadi Pontian dengan hantaran RM5,000.

Katanya, kelangsungan

majlis berkenaan, termasuk bersanding secara serentak adalah hasil permuafakatan semua pihak, termasuk ahli keluarga pengantin.

"Kami berterima kasih kepada semua pihak termasuk penduduk kampung serta saudara-mara, yang membantu menguruskan majlis ini," katanya yang juga petani.

Bagi Rozita yang juga anak bongsu daripada enam beradik, dia bersyukur dengan kelancaran majlis persandingan itu.


"Siapa sangka, tiga generasi bersanding di pelamin yang hari yang sama. Ia cu-

kup menunjukkan eratnya silaturahmi dalam kalangan keluarga dan masyarakat.

"Saya berdoa supaya perkahwinan kami sentiasa dirahmati Allah SWT. Terima kasih juga kepada semua yang membantu," katanya yang bekerja di sebuah syarikat swasta di daerah ini.

Sementara itu, tetamu, Robaniah Jamari, 60, berkata, majlis berkenaan bukan sekadar menjadi kenangan buat mempelai malah tetamu.

"Majlis ini cukup unik serta melambangkan keharmonian dalam keluarga juga masyarakat," katanya.



TAJUK : SERUMAH WALAU BERBEZA AGAMA

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 02 JUL 2023

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



“  
Saya sentiasa  
jaga kesucian  
bahan masakan  
untuk Maslinda  
Mat Jais

MASLINDA antara penduduk Orang Asli suku Temuan yang memeluk Islam bersama penduduk setempat bergotong-royong pada majlis korban di Kampung Orang Asli Ulu Batu, Ulu Yam. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

# SERUMAH WALAU BERBEZA AGAMA

*Keluarga tetap jaga anak perempuan walaupun  
zuriat memeluk Islam sebagai pegangan hidup*

Oleh Noor Hidayah  
Tanzizi  
hidayah.tanzizi@hme-  
tro.com.my

## Gombak

“Saya akan terus menjaga anak perempuan biarpun dia memilih Islam sebagai panduan hidupnya. Bagi saya, kami tidak kehilangan Maslinda cuma agama saja membezakan kami,” luah penduduk Orang Asli suku Temuan, Mat Jais Baki, 53.

Menurutnya, dia masih tinggal bersama anak perempuannya, Maslinda, 26, yang memilih memeluk Islam sejak enam tahun lalu.

Mat Jais berkata, dia dan isteri, Miniloma Moh, 51, menyokong apa saja jalan terbaik dipilih Maslinda.

“Sejak Maslinda memilih Islam, saya memikul tanggungjawab untuk sentiasa menjaga kesucian bahan masakan dan peralatan memasak di rumah kerana kami tinggal bersama,” katanya pada Majlis Ibadah Qurban anjuran Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Cawangan Selayang Baru dengan mendapat kerjasama Jawa-



KAKTANGAN Perkim bersama penduduk setempat bergotong-royong pada majlis korban di Kampung Orang Asli Ulu Batu, Ulu Yam.

tankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli Ulu Batu di kampung berkenaan di Ulu Yam di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Kanan Dakwah Perkim Kebangsaan Datuk Razali Shahabudin dan Pengerusi Perkim Cawangan Selayang Baru, Ismail Hussin selain Ahli Lembaga Pencegahan Jenayah (Poca) Senior Asisten Komisioner Mohd Zani Che Din yang juga peserta program berkenaan.

Sementara itu, Maslinda yang bekerja sebagai pembantu tadika menganggap penerimaan positif ibu bapa dan adik-beradiknya itu sebagai rezeki terindah daripada Allah SWT.

Lebih membuatnya bersyukur apabila insan tersayang itu memahami statusnya sebagai penganut Islam dan sentiasa berusaha mencari sumber makanan halal.

“Sebagai anak, tiada apa yang lebih menggembirakan apabila keluarga teru-

tama ibu bapa menerima agama saya walaupun pada mulanya saya takut untuk berterus-terang.


“Emak berpesan supaya saya mendalami Islam dengan baik dan belajar mengaji. Ayah pula mahu kami tetap tinggal bersama. Dia akan pastikan membeli ayam dan daging halal sahaja,” katanya yang masih bujang.

Menurutnya, dia tidak melepaskan peluang menyertai pelbagai program agama termasuk ibadah korban Aidiladha.

Maslinda berkata, memilih jalan bersama Islam tidak membuatkan hubungan keluarganya putus, malah mereka tetap bersama seperti sebelum ini.

“Ketika Ramadan, keluarga akan tunggu saya selesai solat Maghrib sebelum kami makan bersama. Malah, setiap kali Aidilfitri, ibu bapa juga tidak berkira mengeluarkan belanja meraikan perayaan bersama.

“Saya sangat terharu dan bersyukur dengan penerimaan mereka. Saya anggap ini rezeki serta nikmat Allah SWT untuk saya, sekaligus menandakan lebih bersemangat mendalami agama,” katanya.



TAJUK : PUPIL IN CAGE CASE RESOLVED

HARI : AHAD

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 02 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

FOR MISBEHAVING

# PUPIL IN CAGE CASE RESOLVED

Amicable solution  
between school  
and parents,  
says minister

AUDREY DERMAWAN  
NIBONG TEBAL  
[news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my)

**T**HE case of the 7-year-old pupil locked in a cage at a school in Rembau, Negri Sembilan, for misbehaving has been settled.

Education Minister Fadhlina Sidek yesterday said the matter had been resolved by the Negri Sembilan Education Department.

"Alhamdulillah, there was an amicable solution between the school and the pupil's parents.

"This matter has been settled at the department level and we consider it (matter) resolved."

She said this after the Qurban Perdana Nibong Tebal programme at Masjid Jamek Al Huda Sungai Bakau.

Social media has been abuzz since Tuesday over claims that a Year One pupil, who was punished by his teacher, was locked up in a room with an iron fence that resembled a cage.

The boy had tried to pull down a classmate's trousers before he was reprimanded by the teacher.

The boy's unnamed father had since apologised to the classmate's parents for his son's joke that went overboard.

Asked if the place the boy was



The issue of the pupil locked up in a cage has been resolved by the Negri Sembilan Education Department.  
PIX FROM SOCIAL MEDIA

caged in was dangerous due to a nearby electricity box, Fadhlina said: "When the case was probed by the department, all that was taken into account.

"Also, the action by the department (as I mentioned earlier) has


been settled.

"So the action taken will ensure not only the safety of the students but also the school."

Asked if the family concerned could accept the settlement, she said: "The settlement is very

good. This is also an important lesson to us as members of the community.

"I want to thank all for their concern, and *Insha Allah*, we will continue to improve the education system."



TAJUK : NO FINE FOR WEARING SHORTS

HARI : AHAD

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 02 JUL 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# No fine for wearing shorts

## Kota Baru council will not pursue matter, says minister

**IPOH:** The Kota Baru Municipal Council has agreed to cancel the fine on a non-Muslim woman who was penalised for wearing shorts in her store, says Nga Kor Ming.

He said the matter was decided after a discussion with the Local Government Department director-general.

Speaking on the recent case, the Local Government Development Minister said the woman should

not have paid the fine.

"She might have been misled into doing so. She wore shorts in her own shop, which sells shorts.

"If she could not wear shorts, it meant all her stocks would have to be discarded, which does not make sense.

"But the issue is now settled," Nga told a press conference in Fair Park here yesterday.

Last Sunday, the Kota Baru Municipal Council fined a

non-Muslim businesswoman for wearing shorts in public, saying that it was an offence under Section 34(2)(b) of the council's Business and Industrial Trade By-Laws 2019.

The by-laws state that non-Muslims are to be dressed decently while covering their aurat (parts of the body that, in Islam, are not supposed to be exposed in public).


Nga reminded local govern-

ments that they needed to understand the essence of the Federal Constitution when carrying out their duties.

"Malaysia is a multiracial country and we need to respect each other.

"We respect the dress code but do not be too enthusiastic when enforcing the law.

"This should not have happened and we hope it will not recur," he added.



TAJUK : **RECOGNISING WOMEN WITH A GREAT 'TRACK' RECORD**

HARI : **AHAD**

AKHBAR : **THE STAR**

TARIKH : **02 JUL 2023**

M/SURAT : **09**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

## Recognising women with a great 'track' record

**KUALA LUMPUR:** With the Covid-19 pandemic increasingly becoming less relevant, work on critical national infrastructure such as railways is now in full swing.

That said, a group of rail professionals is keeping a keen eye on ensuring that gender diversity in the workforce is not neglected amid the hustle and bustle of construction.

"Malaysia is poised to gain valuable insights from visionary transport and infrastructure leaders around the world as it emerges from the challenging period of the Covid-19 pandemic," said Natasha Zulkifli, founder-director of Women in Rail Malaysia, a not-for-profit organisation established in 2017 to promote equality and diversity in the rail industry here.

To generate excitement over the possibilities in rail over the medium to long term, Women in Rail Malaysia will be presenting its key event for the year on Aug 3.

"We are delighted to bring to the business community what will be the highlight in Malaysia's transport calendar for 2023.

"With international speakers sharing information on the latest in international transport projects, Malaysians will be able to gain firsthand insight into how construction and technology are being leveraged to enhance the liveability of cities globally, whilst simultaneously bringing about multiple returns in terms of economic and environmental gains,"



**The future in rail:** To generate excitement over the possibilities in rail over the medium to long term, Natasha's (inset) non-profit organisation, Women in Rail Malaysia will be presenting its key event for the year on Aug 3.



said Natasha of the event that would be held in collaboration with YTL Construction.

With the theme "Redefining the Future of Rail and Infrastructure", the conference will feature 11 speakers from Malaysia, Europe and Asia Pacific.

The conference will include presentations on transformative rail and infrastructure projects from around the world, including Japan, with a special keynote addressing magnetic levitation (maglev) technology to move superfast trains.

Japan-based JR Central counsel and director Koei Tsuge will speak on that country's superconducting maglev (SCMaglev), which is jointly developed by JR Central and the Railway Technical Research Institute.

On April 21, 2015, a seven-car SCMaglev train hit a speed of 603kph, less than a week after the same train clocked 590kph, breaking the previous land speed record for rail vehicles of 581kph set by a JR Central MLX01 maglev train in December 2003.

Conference participants will

also get a better glimpse of Indonesia's new administrative capital, Nusantara, through a talk by Silvia Halim from the Nusantara Capital Authority.

Meanwhile, Datuk Alice Jawan Empaling, permanent secretary of Sarawak's Transport Ministry, will speak about how that state is transforming its public transport. There will be a presentation on how to improve gender diversity in the rail industry from Hiba Fares, CEO of RATP Dev in France.

With 27,000 employees, RATP Dev has a presence in 16 countries, where it transports 1.5 billion passengers a year.


"The conference welcomes professionals, industry leaders and enthusiasts who are passionate about the advancement of rail, construction and infrastructure growth," said Natasha.

She added that attendees would have the opportunity to participate in interactive sessions, engaging panel discussions and networking activities.

With over 700 members, Women in Rail Malaysia's core objectives are to strengthen the talent pipeline, support the career progression of women in the rail industry and also advocate for increased representation in leadership positions.

The organisation actively promotes the rail industry to students as a career of choice, and to date, has reached out to more than 7,000 students nationwide.

Learn more at [womeninrail.org.my](http://womeninrail.org.my), including how to get conference tickets.



TAJUK : SOCSO APOLOGISES OVER SHORT SKIRT INCIDENT

HARI : AHAD

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 02 JUL 2023

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Socso apologises over short skirt incident

**PETALING JAYA:** The Social Security Organisation (Socso) has apologised over the incident of a security guard barring a woman wearing a short skirt from entering its office in Penang.


In a statement from its communications and corporate affairs department, Socso said it wished to apologise for the inconvenience caused to the woman, who was accompanied by a colleague.

